

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI [ HULU  
SELANGOR ]**

**TARIKH : 11 OKTOBER 2021 ( ISNIN )**

**SOALAN**

**PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI [ HULU SELANGOR ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan inisiatif Kementerian untuk membantu pengusaha inap desa yang terkesan dengan wabak COVID-19 dan langkah menghidupkan kembali industri pelancongan berkonsep desa.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Antara inisiatif yang telah diambil oleh Kementerian untuk membantu pengusaha inap desa yang terkesan dengan wabak COVID-19 adalah:

- (i) Pemberian bantuan kewangan secara kepada seramai 2,847 orang pengusaha Program Pengalaman Homestay Malaysia di bawah Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA); dan
- (ii) Pelaksanaan kursus kerjasama dengan pihak Akademi Usahawan Mikro (AUM) untuk melaksanakan Program Kursus *Global Digital Branding & Cross-Border Ecommerce* (GLODEEP) bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan pengusaha Program Pengalaman Homestay Malaysia berkaitan keusahawanan, pemasaran secara digital dan hospitaliti secara atas talian sebagai persediaan bagi pembukaan sektor ekonomi melibatkan industri pelancongan;

2. Bagi menghidupkan kembali industri pelancongan berkonsep desa, Tourism Malaysia, sebuah agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah mewujudkan satu platform promosi secara digital melalui laman sesawang mikro *Deals & Packages* yang boleh diakses oleh para pengusaha Program Pengalaman Homestay Malaysia dengan melayari laman sesawang utama [www.malaysia.travel](http://www.malaysia.travel). Platform promosi ini disediakan secara percuma kepada pengusaha Program Pengalaman Homestay Malaysia yang berminat dengan cara memuatnaik pakej-pakej yang ditawarkan kepada pelancong.

Sekian, terima kasih.